

SOALAN NO: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 17 JUN 2015

SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a. berapakah jumlah doktor pakar bedah kardiotorasik di seluruh negara; dan
- b. berapakah hospital di Malaysia yang telah melaksanakan pembedahan kardiotorasik.

Tuan Yang di-Pertua

Sehingga kini, terdapat seramai 66 orang Pakar Bedah Kardiotorasik di seluruh Malaysia yang sedang berkhidmat di sektor awam dan swasta. Manakala jumlah Pakar Kardiologi adalah seramai 219 orang.

Perkhidmatan pembedahan kardiotorasik di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia disediakan mengikut zon di mana bagi Zon Utara, di Hospital Pulau Pinang; Zon Tengah di Hospital Serdang; Zon Selatan, di Hospital Sultanah Aminah, Johor Baharu; Zon Timur, di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan dan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu; Zon Sabah di Hospital Queen Elizabeth II Kota Kinabalu dan Zon Sarawak, di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak.